



# Selangor

Penggerak Kemajuan Saksama



# Kini

PERCUMA 30 November - 7 Disember 2012, 16 - 23 Muharram 1434

Belanja RM1.5 juta untuk Skim Kesihatan Wanita

muka 4

Istilah 'SaT1M' sesuai diguna banteras skandal tanah

muka 4

Pemeriksaan mata percuma dapat sambutan

muka 14



## MERAIKAN...

Isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut memberi duit raya kepada kanak-kanak yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Selangor yang diadakan di kawasan parkir, Pasar Dengkil  
BERITA PENUH MUKA 11

# '134,675 pengundi ragu'

## Suruhanjaya Pilihan Raya tidak boleh tutup mata

Oleh SHERIDAN MAHAVERA

SHAH ALAM - Pendedahan bahawa terdapat lebih 134,675 pengundi yang diragui adalah bukti terbaru dan kukuh yang masa depan politik Selangor bakal terjejas dalam pilihan raya akan datang.

NGO penambahbaikan pilihan raya BERSIH berpendapat jumlah itu adalah cukup untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya kerusi Dewan Undangan Selangor (DNS) sehingga menentukan gagasan mana akan memerintah Selangor kelak.

Oleh itu, kata anggota jawa-

**BERSIH berpendapat jumlah itu adalah cukup untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor sehingga menentukan gagasan mana akan memerintah Selangor kelak**

**Maria Chin Abdullah**  
Anggota Jawatankuasa Pemandu BERSIH

tankuasa pemandu BERSIH, Maria Chin Abdullah, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tiada lagi sebab untuk mengabaikan saranan supaya Bersih dan NGO pilihan raya lain dapat melibatkan diri dalam pembersihan daftar pengundi.

Ini kerana pemimpin tertinggi SPR gagal berbuat demikian walaupun dimaklumkan perkara itu sejak dua tahun lalu, kata Maria Chin, yang memperjuangkan perkara ini sejak tahun 2010.

"Daripada perhimpunan kita yang pertama (2010) sehingga kini, masih terdapat pertambahan pengundi yang status-

nya diragui.

"Dalam masa itu SPR masih berjanji akan membersihkan daftar pemilih. Ini tidak berlaku.

"Jadi pimpinan SPR mesti ditukar dan Bersih sanggup bekerja dengan SPR tanpa dibayar elaun atau gaji untuk membersihkan daftar pengundi," kata Maria apabila dihubungi Selangor Kini.

Pada 23 November, Kerajaan Negeri Selangor mendedahkan laporan Projek Pendemokrasian Negeri Selangor yang merupakan semakan terhadap daftar pemilih SPR suku keempat 2011.

Laporan itu mendapati

134,675 pengundi yang tidak dikenali, iaitu identiti mereka tidak dapat dipastikan dan status mereka sebagai warganegara atau bermastautin di Selangor tidak dapat disahkan.

Jumlah tersebut merupakan 28 peratus daripada 497,084 individu yang berdaftar sebagai pemilih baru.

Mengikut daftar terbaru, terdapat 1,924,281 orang pemilih di dalam Selangor.

Kawasan DNS Sri Serdang mengalami bilangan pengundi tidak dikenali yang paling ramai iaitu lebih 9,000 orang.

lihat muka 5



SHAH ALAM - Pemilik pangsapuri kos rendah boleh mendapat potongan 25 peratus cukai pintu daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) walaupun tidak wujud Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) di pangsapuri mereka.

Menurut Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Abdul Samad berkata, potongan diberikan terus kepada pemilik ketika membuat bayaran cukai pintu di PBT bersama borang khas.

“Walaupun seorang pemilik membuat permohonan, beliau

# Layak terima rebat 25% walau tiada JMB, JMC

akan mendapat potongan 25 peratus.

“Setiap permohonan mestilah disertakan bersama borang khas yang disahkan oleh pengerusi JMC atau MC, Pesuruhjaya Bangunan (COB) PBT atau Ahli Majlis PBT,” katanya.

Beliau menambah, potongan

juga hanya untuk pangsapuri-pangsapuri yang didiami oleh pemilik atau waris pemilik.

Jelasnya lagi, Kerajaan Negeri masih belum ada bilangan pemilik yang diberikan potongan kerana polisi ini baru sahaja dikuatkuasakan pada bulan September lepas.

“Data-data ini akan diperolehi daripada PBT-PBT pada akhir tahun ini.

“Dari data ini, satu kajian juga akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada dengan potongan cukai maka lebih ramai pemilik membayar yuran penyelenggaraan pangsapuri mereka,” ujar beliau lagi.

**Walaupun seorang pemilik membuat permohonan, beliau akan mendapat potongan 25 peratus. Setiap permohonan mesti disertakan bersama borang khas yang disahkan oleh pengerusi JMC atau MC, Pesuruhjaya Bangunan (COB) PBT atau Ahli Majlis PBT**

**ISKANDAR ABDUL SAMAD**

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan



**Pemotongan tetap diberikan walaupun permohonan individu**



**Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak rujuk Kerajaan Negeri**

## Noh didakwa halang pegawai pertanian jumpa Exco Negeri

SHAH ALAM - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar didakwa menghalang pegawai kementeriannya menghadiri mesyuarat Exco Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan Selangor merupakan suatu tindakan tidak profesional.

Tindakan Menteri tersebut menyebabkan pembangunan pertanian di negeri Selangor tidak dapat diselaraskan de-

ngan baik.

Demikian beritahu Exco terabit, Dr Yaakob Sapari ketika ditemui selepas sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) di sini.

Akibat tindakan tersebut akhirnya menyebabkan jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Sungai Yu, Kuala Selangor dibina tanpa kelulusan Majlis Daerah Kuala Selangor.

“Apa yang berlaku contohnya, bila sesuatu pema-

ngunan dijalankan, dia masuk ke hutan atau tanah Kerajaan Negeri tanpa izin.

“Ini bertentangan dengan peraturan, iaitu setiap pembangunan tanah mesti melalui Kerajaan Negeri.

“Jeti LKIM dibina tanpa merujuk kepada Kerajaan Negeri, sedangkan sepatutnya dia kena rujuk Kerajaan Negeri supaya pembangunan itu dijalankan dengan cara dan prosedur yang betul,” kata Dr Yaakob.

## Infrastruktur sekolah agama dinilai tiap tahun

SHAH ALAM - Keperluan Sekolah Rendah Agama (SAR) akan dinilai setiap tahun oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bagi memastikan sekolah berkenaan mendapat bantuan yang diperlukan mengikut keutamaan.

Exco Pendidikan, Dr Halimah Ali berkata, polisi ini diamalkan setiap tahun bukan sahaja

terhadap infrastruktur sekolah malah melibatkan dan keperluan tenaga pengajar.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan perbincangan Jawatankuasa Belanjawan Jais yang dibangkitkan oleh Adun Sekinchan, Ng Suee Lim.

Suee Lim dalam soalnya membangkitkan keadaan usang Sekolah Rendah Agama Parit 7, Sekinchan selain mengalami masalah infrastruktur terutama tandas pelajar.

“Saya setuju sekolah yang disebutkan Sekinchan merupakan satu keutamaan kerana ia melibatkan kemudahan asas,” ujar Dr Halimah lagi.

Untuk tahun ini, sebanyak RM8 juta diperuntukkan Lembaga Zakat Selangor untuk pembangunan infrastruktur.

Selain itu, Dr Halimah turut menyatakan sejak tahun 2008, satu Majlis Permuafakatan Institusi Pendidikan Selangor (Mafis) yang dianggotai oleh rakyat Islam di Selangor ditubuhkan untuk memikirkan langkah jangka panjang menaikkan prestasi sekolah agama di negeri ini.

Sehingga kini, Selangor mempunyai 23 sekolah rendah agama, 11 sekolah integrasi agama dan lebih 230 sekolah Kafa.



**Untuk tahun ini, sebanyak RM8 juta diperuntukkan Lembaga Zakat Selangor untuk pembangunan infrastruktur**

**- DR HALIMAH ALI**  
Exco Pendidikan



# Jaga kebajikan umat Islam elak gejala murtad

SHAH ALAM - Kebajikan umat Islam perlu dijaga dengan baik dalam usaha memantau gejala murtad daripada berleluasa. Usaha itu perlu dijalankan secara konsisten dan berterusan kerana menurut Menteri Besar yang juga Exco Hal Ehwal Islam, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, kemiskinan adalah antara punca

umat Islam terpesong. "Jadi, kebajikan mesti jadi tumpuan utama kerana mereka yang terjebak dalam gejala ini kebanyakannya terdesak akibat kemiskinan. "Umat Islam seharusnya dijaga dengan baik oleh institusi Islam sendiri, barulah umat Islam itu kukuh dan kekal dengan

Islam," jelas beliau menjawab soalan daripada Adun Gombak Setia (bebas) Datuk Dr Hasan Ali. Justeru, beliau menggesa institusi seperti Lembaga Zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain-lain yang berkaitan untuk bekerjasama menjaga kebajikan umat Islam. "Kita juga perlu adakan pe-

mantauan yang efisien dan cekap mengenai perkara ini dan meneliti perkara yang perlu diambil kira. "Ia bukan usaha yang akan berjaya dalam satu hari namun ia adalah usaha berterusan yang memerlukan sokongan," tambah beliau yang juga Adun Ijok. Dalam pada itu, beliau turut

menjelaskan peranan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dalam usaha memerangi gejala murtad. "Jais mempunyai pasukan khas memantau aktiviti dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap usaha pihak tertentu memurtadkan Umat Islam," tegas beliau.

# Skim Mikrokredit beri peluang kepada belia

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor memberi peluang kepada golongan belia untuk memulakan perniagaan di bawah Program Mikrokredit Miskin Bandar (Mimbar) Niaga.

Exco Wanita, Kebajikan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail berkata, selain memberikan perkhidmatan kepada mereka yang sudah memulakan perniagaan, Mimbar Niaga turut membuka ruang kepada individu yang ingin menjana pendapatan bagi meningkatkan taraf hidup.

Beliau berkata, golongan belia yang ingin memulakan perniagaan akan diberikan modal, peralatan asas serta bimbingan secara konsisten.

"Di bawah program Mimbar Niaga, Kerajaan Negeri menyediakan modal asas dan bimbingan kepada para peserta. Program ini juga bertujuan membantu individu yang tiada perniagaan tetapi ingin mencuba dengan tempoh percubaan selama enam bulan. Sekiranya berjaya, perniagaan mereka

**Golongan belia yang ingin memulakan perniagaan akan diberikan modal, peralatan asas serta bimbingan secara konsisten**

**RODZIAH ISMAIL**  
 Exco Wanita, Kebajikan, Sains, Teknologi dan Inovasi



# Pusat halang jayakan program TAWAS

SHAH ALAM - Yap Ee Wah (BN-Sungai Pelek) dicabar Dr Xavier Jayakumar menyertai lawatan ke hospital di Selangor bagi membuktikan terdapat usaha menggagalkan program Tabung Anak Warisan Selangor (Tawas) oleh Kerajaan Pusat.

Tawaran itu dilontarkan Dr Xavier yang juga Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin Selangor apabila Yap mempersoalkan program tersebut di mana hanya kira-kira 80,000 daripada 300,000 bayi atau kanak-kanak yang lahir di Selangor terlibat.

Dr Xavier membuat cabaran itu selepas Yap mempertikaikan kenyataan dibuatnya berhubung dakwaan arahan Kementerian Kesihatan menghalang kakitangan hospital mengedarkan borang Tawas.

"Saya lawat dua hospital dan dapat maklumat daripada kakitangan hospital di mana ada arahan dari Kementerian Kesihatan yang menyatakan borang Tawas tidak boleh diletakkan di mana-mana hospital kerajaan untuk pendaftaran tersebut," katanya ketika sesi soal jawab

dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) di sini.

Sementara itu, Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail berkata, Kerajaan Negeri tidak mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Kementerian Kesihatan dalam menjayakan program Tawas walaupun beberapa surat dihantar tetapi tiada jawapan.

Dalam isu yang sama, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menjelaskan kekeliruan berkenaan Laporan Ketua Audit Negara yang mana dilaporkan wujud ketidakseimbangan di dalam akaun Tawas.

Kekeliruan ini timbul kerana Tawas ditubuhkan bukan berasaskan kepada keuntungan. Oleh itu, Abdul Khalid akan menulis surat kepada Ketua Audit Negara bagi menjelaskan perkara ini.

Tawas memperoleh dana kewangan melalui peruntukan rizab simpanan negeri, peruntukkan tersebut akan disuntik ke dalam Tawas pada masa yang sesuai dari masa ke semasa.

## Info

	Jumlah peserta	Golongan muda
SKIMSEL	6,758	2,962
MIMBAR	5,417	2,331



boleh dikembangkan di peringkat lebih tinggi lagi," katanya.

Rodziah berkata demikian semasa menjawab pertanyaan lisan daripada Amirudin Shari (PKR-Batu Caves) berhubung Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel) dan Mimbar.

"Skimsel berjaya mencapai bayaran balik sebanyak 97.02 peratus, manakala Mimbar ialah 83.03 peratus. Kebanyakan pinjaman ini dibayar secara konsisten oleh peserta menggunakan perkhidmatan bank yang disediakan," katanya lagi.



**CERIA... Tawas memberi faedah kepada anak-anak Selangor**



# Istilah 'SaT1M' sesuai diguna banteras skandal tanah



SHAH ALAM - Cadangan Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafiei untuk menggunakan istilah 'Sapu Tanah 1 Malaysia' (SaT1M) bagi merujuk kepada skandal pemilikan tanah di Selangor oleh Kerajaan Umno-BN, dipersetujui Adun Sekinchan, Ng Suee Lim.

Istilah itu dianggap relevan, kata Shuhaimi kerana ia berkait rapat dengan penglibatan Ketua Pembangkang Dewan Negeri Selangor (DNS), Datuk Mohd Satim Diman dalam isu pembelian tanah dengan harga murah.

"Saya cadangkan perkataan sapu tanah itu diganti dengan istilah lebih sesuai kerana cara pengambilan tanah oleh Umno-BN. Sebagai penghargaan kepa-

da Sri Serdang, kita tukar kepada Sat1M bagi menggambarkan kepakaran Sri Serdang pernah menjual tanah," katanya.

Shuhaimi sebelum ini pernah mendedahkan tiga kes salah guna kuasa oleh Satim, iaitu pemberian tanah Kerajaan kepada Umno Kota Raja pada 2007 dan cubaan Ketua Umno Puchong, Datuk Satim Diman untuk menjual tanah rizab Melayu kepada syarikat bukan Bumiputera.

Dalam pada itu, Suee Lim mendedahkan 23 lot tanah di tujuh daerah seluruh Selangor dari 1999 hingga 2008 yang diperoleh ketika era pentadbiran Umno-BN dianggarkan bernilai tidak kurang daripada RM300 juta.

Beliau turut mempersoalkan bagaimana tanah berkeluasan 33.5 ekar itu hanya dikenakan bayaran premium serendah RM1 untuk satu kaki persegi.

"Siapa yang duduk dalam jawatankuasa tanah pada ketika itu? Inilah perangai Umno-BN yang kononnya ingin membela hak rakyat, sentiasa memalukan dulu, kini dan selamanya," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab pertanyaan daripada Suee Lim berhubung pemilikan tanah, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri menggunakan sistem terbuka (sistem digital) tanpa perlu merujuk kepada pejabat daerah.

## Manifesto Pakatan Rakyat terlaksana lebih 80 peratus

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menegaskan manifesto Pakatan Rakyat (PR) Selangor yang dibuat semasa Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) dilaksanakan hampir keseluruhannya dengan memfokuskan kebajikan rakyat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, dianggarkan lebih 80 peratus manifesto yang merangkumi program sosial itu sudah dilaksanakan Kerajaan Negeri secara berperingkat sejak 2008 hingga kini.

"Manifesto atau program yang dijanjikan PR semasa PRU 2008 sebenarnya secara keseluruhan kita dapat jalankan untuk beri kebajikan kepada rakyat.

"Daripada angka-angka itu, lebih 80 peratus kita jalankan. Malah kalau kita tengok dan teliti manifesto oleh Umno-BN semasa PRU 2008, termasuklah membasmi rasuah, tetapi kegiatan itu masih berleluasa sehingga kini.

**Dianggarkan lebih 80 peratus manifesto yang merangkumi program sosial itu sudah dilaksanakan Kerajaan Negeri secara berperingkat sejak 2008 hingga kini**

"Pelaksanaan manifesto ini berlaku, tetapi ia mengambil masa untuk dilaksanakan sepenuhnya," katanya dalam ucapan penggulungan perbahasan Belanjawan 2013 semasa sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Terdahulu, Ketua Pembangkang DNS, Datuk Mohamad Satim Diman mendakwa, Kerajaan Negeri gagal melunaskan manifesto PRU-12, malah timbul isu baru yang menyerlahkan kepincangan Kerajaan PR Selangor mentadbir.



**DEKAT DI HATI.... kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan di kalangan wanita meningkat sejak Skim Kesihatan Wanita diperkenalkan**

## Belanja RM1.5 juta untuk Skim Kesihatan Wanita

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah RM1.5 juta bagi memberi manfaat kepada 17, 582 wanita di Selangor untuk menikmati program Kesihatan Wanita.

Menurut Exco Wanita, Dr Rodziah Ismail, sejak mula diperkenalkan pada tahun 2010, kaum wanita mula sedar mereka perlu memeriksa kesihatan mereka.

"Jumlah penyertaan ini sangat memberansangkan kerana wanita kini lebih mengerti keperluan mereka untuk menjaga kesihatan, bukan sahaja untuk diri mereka, tetapi juga untuk

keluarga.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 115 daripada mereka disyaki menghidap kanser," jelas Rodziah menjawab soalan lisan daripada Adun Hulu Kelang, Shaari Sungib.

Tambahnya, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM5.2 juta untuk menjayakan program kesihatan wanita, iaitu peruntukan RM1 juta bagi setiap tahun.

"Saya harap para YB di dalam dewan dapat menguar-uarkan mengenai program ini supaya rakyat di luar, khususnya wanita beroleh manfaat," katanya lagi.

Beliau yang juga Adun Batu Tiga turut menjelaskan, program kesihatan bukan ditamatkan seperti didakwa pihak tertentu, sebaliknya melalui proses penilaian untuk penambahbaikan.

"Malah, kita juga akan mengadakan skim kesihatan lain seperti urutan refleksologi dan juga program kesedaran mengawal tekanan hidup wanita," jelas beliau sambil menambah tender baru kini sudah dibuka untuk sesi program baru yang akan dimulakan sedikit masa lagi.



SHAH ALAM - Kajian Semakan Daftar Pemilih Negeri Selangor sepertimana dilaporkan dalam Laporan Projek Pendemokrasian Negeri Selangor mendapati, terdapat lima kawasan DUN di mana peta didapati tidak lengkap.

Antara lain terdapat daerah mengundi yang tidak wujud dalam peta sempadan kawasan yang tidak dibetulkan serta sempadan daerah mengundi yang tidak jelas.

Kawasan DUN yang terlibat ialah DUN Sungai Panjang, Sri Serdang, Damansara Utama, Hulu Kelang, Sementa dan Selat Kelang.

Bagi DUN Sungai Panjang, daerah mengundi Parit 2 - 5, didapati tidak wujud dalam peta sama seperti ketidakwujudan daerah mengundi Sri Aman di kawasan DUN Seri Serdang.

Sementara itu, sempadan antara Damansara Jaya Utama dan Selatan di DUN Damansara Utama juga didapati sehingga kini tidak dibetulkan.

Untuk kawasan DUN Hulu Kelang, Sementa dan Selat Kelang, laporan khas tersebut juga me-

# Peta lima kawasan DUN tidak lengkap

maklumkan sempadan daerah-daerah mengundi ketiga-tiga kawasan ini tidak jelas.

Tahun lalu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menubuhkan satu sekretariat khas berikutan penambahan 497,084 pengundi baru sepertimana yang diperolehi daripada rekod Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM).


Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dilantik sebagai Pegawai Koordinasi dan pemantau bagi perjalanan Projek Semakan Daftar Pemilih bagi suku ke-4 tahun 2011.

Semakan daftar pemilih dilakukan ketua-ketua kampung, ahli-ahli majlis dan kakitangan Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.



## dari muka depan

### Pengundi Berdasarkan Umur Suku Tahun Ke-4 2011



Pengundi Baru

Jumlah Pengundi Baru: **497,084**

Pengundi Tidak Dikenal pasti

Jumlah Tidak Dikenal pasti: **134,675**

### Jejaskan keputusan pengundian

Ita diikuti dengan Subang Jaya sebanyak 8,000 orang, Hulu Kelang 5,500 dan Sri Muda 5,000.

Maria menerangkan bahawa walaupun jumlah 134,675 merupakan bilangan yang rendah berbanding keseluruhan 1.9 juta Pengundi di Selangor, ia cukup untuk mempengaruhi keputusan di dalam kerusi majoriti tipis.

Di Selangor terdapat 10 kerusi yang dimenangi dengan majoriti undi kurang daripada 1,000 undi. Manakala majoriti kerusi di da-


lam DNS antara Pakatan Rakyat dan Umno-BN adalah 16 kerusi.

Mengikut perangkaan laporan itu, jika 134,675 pengundi ragu itu dibahagikan antara 16 kerusi, terdapat 8,000 undi dalam setiap kerusi yang boleh mempengaruhi keputusan kerusi-kerusi tersebut.

Dan 8,000 Pengundi ini merupakan mereka yang tidak didapati disahkan samada mereka warganegara Malaysia atau penduduk Selangor.

### Pengundi Berdasarkan Bangsa

Jumlah Pengundi Baru Berdasarkan Suku Tahun Ke-4 2011: **1,924,281**



### Pengundi Berdasarkan Jantina

Jumlah Pengundi Baru Berdasarkan Suku Ke-4 Tahun 2011: **497,084**



Jumlah Tidak Dikenal pasti: **134,675**



# Himpunan Hijau Anti Lynas capai matlamat



Oleh MOHD EZLI MASHUT

**KUALA LUMPUR** - Hampir 20,000 peserta Himpunan Hijau Anti Lynas tanpa mengira bangsa dan agama tiba di hadapan Dataran Merdeka bagi menunjukkan keprihatinan terhadap kesan loji Lynas di Kuantan, Pahang.

Pengerusi Angkatan Rakyat Merdeka (Akar), Ahmad Nizam Hamid berkata, walaupun majoriti peserta berjalan kaki itu terdiri daripada masyarakat Tionghua, namun sebenarnya ia adalah isu kepentingan semua tanpa mengira bangsa.

"Kehadiran teman-teman daripada kalangan orang muda Melayu khususnya, cukup ramai dan isu radiasi ini tidak mengenal agama, bangsa serta tidak mengenal warna kulit dan bahasa yang akan terkesan.

"Apabila para peserta berhenti untuk bermalam di kawasan orang Melayu, mereka bersedia memberikan tempat penginapan," ujarnya.

Beliau berkata, penyertaan meluas rakyat dalam himpunan itu memberikan isyarat jelas kepada Umno-BN bahawa rakyat menentang pembinaan loji nadir bumi Lynas.

"Yang lebih penting ialah solidariti kita semua rakyat Malaysia menzahirkan rasa tidak puas hati kepada pembinaan kilang tersebut," katanya.

Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin yang ditemui Selangor Kini berkata, penyertaan kira-kira 20,000 rakyat pelbagai bangsa, membuktikan rakyat Malaysia bersedia membuat perubahan total.

"Hari ini Malaysia sudah bersedia atas nama rakyat Malaysia yang sebenarnya untuk bangkit dalam membawa isu yang cukup besar merentasi sempadan bangsa," kata beliau.

Ujarnya, kebangkitan yang di-

tunjukkan dalam himpunan itu bukan bersifat perkauman seperti yang didakwa setengah pihak.

"Akhbar berbahasa Malaysia terus memperbodohkan rakyat kerana itu orang Melayu agak sedikit jauh berkenaan isu Lynas ini.

"Tetapi kita yakin dengan usaha berte-rusan maka orang Melayu pun sedar dan bersama dengan kebangkitan ini dan ia menyebabkan BN terus tidak jumpa tarikh untuk mengadakan pilihan raya," kata Badrul Hisham.

Beliau berkata, himpunan itu akan memberikan imej kepada dunia bahawa kerajaan pimpinan BN terus semakin hilang sokongan daripada rakyat.

Peserta jalan kaki Anti Lynas Kuantan - Kuala Lumpur yang memulakan perjalanan mereka sejak 13 November, tiba di Dataran Merdeka pada kira-kira 5.30 petang Ahad lalu.

**Selangor Kini**

**SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT**

Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG**

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

**PENGARANG BERITA**

Najib Hashim

**PEN. PENGARANG BERITA**

Mohd Ezli Mashut

**PEMBANTU PENGARANG**

Rusidah Salim

**WARTAWAN**

Afif Redzuan: afifredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com

**JURU GAMBAR:**

Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

**GRAFIK & REKALETAH**

Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,  
No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13,  
40100, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856  
Emel: newsselangorkini@gmail.com

## Peniaga: Pindah aset jadikan PKNS lebih berdaya saing

**SHAH ALAM** - Tindakan pindah milik lima aset komersil Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) kepada anak syarikat milik penuh PKNS, Private Real Estate Company (PREC) diper-setujui pihak PKNS dan Persatuan Peniaga Kompleks PKNS Shah Alam.

Dalam satu kenyataan media yang ditandatangani Ketua Unit, Pelaburan & Pengurusan Hartanah, Bahagian Korporat PKNS, Fakru Razi Ab Ghani dan Presiden Persatuan Peniaga Kompleks PKNS Shah Alam, Amran Yahya, menyatakan pemindahan milikan lima aset ini

memberikan penekanan kepada meningkatkan tahap daya saing Kompleks PKNS Shah Alam dan bangunan-bangunan yang lain.

"Dengan kualiti bangunan ditingkatkan, Kompleks PKNS Shah Alam akan dapat menarik lebih ramai pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat untuk membeli-belah di kompleks ini dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada prestasi jualan peniaga-peniaga kompleks," katanya.

Dengan cara ini juga, PKNS dan PREC akan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan dan menaik taraf kemudahan

Kompleks PKNS Shah Alam untuk kepentingan peniaga dan pengunjung kompleks.

Sementara itu, Amran memperakui komitmen PKNS menerusi program-program pembangunan usahawan dan subsidi kepada para peniaga Melayu dan bumiputera yang layak di Kompleks PKNS dan seluruh negeri Selangor.

"PKNS menerusi PREC akan merencanakan aktiviti-aktiviti promosi menerusi pelbagai program bagi menarik orang awam membeli belah di Kompleks PKNS.

"Ini dapat membantu me-

tingkatkan pendapatan peniaga di kompleks yang majoritinya adalah peniaga Melayu dan bumiputera.

"Persatuan dan PKNS akan mempergiatkan kerja usahawasa untuk meningkatkan daya saing Kompleks PKNS Shah Alam bagi faedah bersama dan juga untuk memberi keselesaan dan memenuhi keperluan masyarakat sekeliling Shah Alam yang berkunjung ke Kompleks PKNS tersebut," katanya.

PREC merupakan anak syarikat milik penuh PKNS yang khusus dalam pengurusan dan pelaburan hartanah.



# Isu perumahan, Mohd Zin buka pekung Umno-BN

SHAH ALAM - Kenyataan Koordinator BN Selangor, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed disifatkan sebagai cuba membuka pekung Umno-BN apabila mendakwa Kerajaan Negeri gagal menangani isu perumahan yang akan menyebabkan masalah setinggan berulang.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Faekah Husin berkata, dakwaan Mohd Zin itu sekadar iri hati terhadap kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor dalam menyediakan perumahan untuk rakyat, terutama kepada golongan berpendapatan rendah.

Justeru, rakyat Selangor dinasihatkan supaya tidak mudah terpedaya terhadap dakwaan begini yang hanya ingin menjejaskan nama baik Kerajaan Negeri.

"Umno-BN terlalu bangga dengan Program Setinggan Sifar di bawah mantan Menteri Besar, Dr Mohd Khir Toyo tetapi hakikatnya program berkenaan tidak berjaya malah menimbulkan banyak masalah lain terhadap kemudahan awam dan infrastruktur selain masalah so-

sial kerana suasana kediaman yang tidak selesa.

"Dasar Setinggan Sifar itu tidak berniat menyelesaikan masalah perumahan rakyat berpendapatan rendah di Negeri Selangor, tetapi ia lebih kepada satu kempen membantu pemaju kaya yang mahu merampas tanah yang didiami dan diusahakan oleh peneroka bandar sejak beberapa dekad lalu," katanya dalam satu kenyataan media.

Beliau berkata, sejak 2008, Kerajaan Negeri berjaya menyelesaikan beberapa projek perumahan terbengkalai, antaranya Projek Perumahan Rakyat Berembang Indah, Sungai Sering di Ampang dan Projek Perumahan Rakyat di PJS1, Petaling Jaya.

Selain itu katanya, Kerajaan Negeri juga berjaya membina 1,422 unit Projek Rumah Berkembar Bukit Botak di Selayang yang kini hampir siap 100 peratus setelah gagal diselesaikan Kerajaan Umno-BN.

Sehingga kini katanya, Kerajaan Negeri berjaya menyiapkan 14,245 unit kediaman dan perniagaan terbengkalai, selain membina 6,470 unit rumah kos rendah dalam tempoh empat tahun pemerintahannya.

Tegasnya, Perbadanan Kewangan Negeri Selangor (PKNS) juga merancang membina lebih banyak Rumah Mampu Milik pada tahun hadapan di Shah Alam, Gombak, Sepang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor.

## Fakta Rumah Selangor

UNIT	PROJEK
1,422	Rumah Berkembar Bukit Botak
14,245	Menyiapkan Kediaman Terbengkalai
6,470	Rumah Kos Rendah Dalam Empat Tahun

## Mantan IGP dakwa Hishammuddin 'campuri' tugas polis

PETALING JAYA - Mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, mendakwa Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein 'mencampuri' tugas Polis Di Raja Malaysia (PDRM).

Musa berkata, Hishammuddin pernah memberi arahan terus kepada pegawai-pegawai junior dan seorang ketua polis daerah tanpa pengetahuannya semasa beliau berkhidmat sebagai Ketua Polis Negara (KPN).

Sebelum ini, Musa berkhidmat untuk PDRM selama empat dekad dan memimpin pasukan tersebut selama empat tahun sejak 2006 sebelum digantikan Tan Sri Ismail Omar pada 13 September 2010.

Musa berkata, tindakan menteri yang memberikan arahan

**Sudah tentu, saya tidak boleh secara kasar kepadanya kerana Hishammuddin adalah seorang menteri. Saya bercakap kepadanya dengan baik. Dia tidak suka**

**- MUSA HASSAN**  
Mantan IGP

kepada pegawai polis adalah tidak wajar kerana ia bertentangan dengan peruntukan undang-undang.

"Jadi, saya menekankan kepada beliau (Hishammuddin)

Seksyen 4 (1) Akta Polis (1967, yang mengatakan) bahawa arahan dan kawalan pihak polis adalah dengan KPN dan bukan di bawah kuasa menteri.

"Sudah tentu, saya tidak boleh kasar kepadanya kerana Hishammuddin adalah seorang menteri.

"Saya bercakap kepadanya dengan baik. Dia tidak suka," kata Musa.

Beliau berkata demikian dalam Sidang Media Khas Isu Peningkatan Kadar Jenayah di sebuah hotel, baru-baru ini.

Turut sama dalam sidang media itu Pengerusi Malaysian Crime Watch Task Force (MyWATCH), R Sri Sanjevan di mana Musa menjadi penaung dan penasihatnya.

## Umno-BN hipokrit: Malaysia eksport getah ke Israel



**Baru-baru ini, lebih 2,000 orang berarak ke ibu pejabat Felda bagi membantah tindakan Felda menjual minyak sawit kepada Israel**

Oleh HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) mendakwa mempunyai bukti baru bahawa Kerajaan Pusat Umno-BN membekalkan getah ke Israel pada 19 November lalu.

Penyelaras SAMM, Badrul Hisham Shaharin berkata, sebelum in pihaknya mendedahkan tentang penghantaran minyak sawit ke Israel. Kerajaan Umno-BN kononnya mengatakan sawit tersebut untuk Palestin.

"Hari ini kita dapat transaksi terakhir, iaitu kerajaan menghantar getah di atas nama Perusahaan Getah Asas Sdn Bhd juga ke Israel.

"Adakah kamu nak kata bekalan itu juga dihantar ke Palestin? Mana ada kilang getah di Palestin?" kata Badrul Hisham atau lebih dikenali sebagai Chegubard.

Beliau juga mendakwa Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir bertanggungjawab dalam merealisasikan perkara berkenaan.

"Kita cabar Datuk Mukhriz

Mahathir menafikan Malaysia menghantar getah ke Israel," katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan ceramah dalam siri Jelajah Merdeka Rakyat anjuran Pakatan Rakyat (PR) di sini, yang dihadiri lebih 5,000 orang.

Beliau berkata, Kerajaan Umno-BN hipokrit apabila mengkritik Israel dalam politik domestik, tetapi di peringkat antarabangsa mereka sebenarnya membantu.

Sementara itu, Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dalam ceramahnya berkata, Umno-BN kini menukar haluan dengan mengiktiraf Ikhwanul Muslimin walaupun sebelum ini melabelkan kumpulan tersebut sebagai penganas.

Hubungan rapat Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan pimpinan ini seperti Presiden Mesir, Dr Muhammad Mursi; Perdana Menteri Turki, Tayyip Erdogan dan Pemimpin Hamas, Khaled Meshaal mengusarkan Umno-BN yang sebelum ini mengatakan Anwar sebagai agen Israel dan agen Amerika.



Penyelaras DUN Gombak Setia, Ustaz Salehuddin Nasir, menyampaikan sumbangan Deepavali kepada penganut agama Hindu sekitar DUN Gombak Setia



Adun Chempaka, Iskandar Samad meraikan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) pada majlis makan malam di Pandan Indah



Kakitangan Jabatan Kesihatan sedang mengira gagak yang berjaya ditembak dalam Operas Menembak Gagak, anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang disertai 54 kumpulan penembak. Sebanyak 6,784 gagak berjaya ditembak sekitar Klang



Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim, bersama Adun Teluk Datuk, Phillip Tan Choon Swee, meraikan kejayaan juara dan naib juara Pertandingan Memancing GP Selangor yang berlangsung di Pantai Morib



Kanak-kanak di Taman Sutera, Kajang ini dibawa berarak dengan menaiki lori sebelum dikhatankan pada Program Sunathon yang turut dihadiri Ahli Parlimen Serdang, Teo Nie Ching



Ahli Parlimen Selayang, William Leong bertemu rakyat dan beramah mesra di Pasar Pagi Kampung Melayu Seri Kundang sambil mengedar risalah MES dan akhbar Selangor Kini



MUHIBAH... suasana sambutan Hari Deepavali di DUN Taman Medan meriah dengan kehadiran lebih 3000 orang. Pada majlis tersebut, Haniza Talha turut memberikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir



SEJUK.. kanak-kanak ini disiram dengan pili bomba sebelum dikhatankan pada Majlis Berkhatan Beramai-ramai di Taman Batu Tiga



BINA SAHSIAH... sempena cuti sekolah yang panjang, Surau Al-Ibtida'ah, Batu 6 Bangi, menganjurkan kem remaja bagi memenuhi masa lapang. Program yang mendapat sambutan itu dirasmikan Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar



# Artis bawa mesej Anti-Pemerdagangan Manusia



SOKONGAN... Izzah sewaktu sidang media bersama artis-artis dari Indonesia

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

**KUALA LUMPUR** - Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar meraikan kehadiran kumpulan artis Indonesia yang membawa mesej anti-pemerdagangan manusia melalui konsert mereka di Malaysia.

Kumpulan D'Masiv dan Adara dibawa khas Tourism Selangor Sdn Bhd untuk konsert di Dataran I-City Shah Alam, bagi meraikan pembukaan taman tema baru di I-City.

Bercakap pada TV Selangor, Nurul Izzah berkata, rakyat di negara ini masih kekurangan kesedaran dan pengetahuan umum mengenai isu pe-

merdagangan manusia yang merupakan jenayah serius.

Katanya, artis-artis tersebut banyak membawa mesej kemanusiaan bagi membantu menyedarkan masyarakat mengenai kempen yang sedang dijalankan di negara ini.

Statistik daripada Majlis Anti-Pemerdagangan Manusia Negara menunjukkan, 591 individu ditangkap antara tahun 2008 dan 2011 kerana terlibat dalam jenayah itu.

Manakala seramai 924 mangsa diselamatkan. Malaysia masih berada di dalam senarai gelap Kementerian Luar Amerika Syarikat berkenaan negara yang mencatatkan kes pemerdagangan manusia yang tinggi.

"Sebagai contoh, kumpulan D'Masiv mempunyai banyak lagu yang membawa mesej keamanan dan kesejahteraan untuk semua masyarakat.

"(Dan) ia boleh memberi mesej kepada semua yang hadir pada konsert itu," katanya ketika ditemui di Pantai Dalam.

Dalam pada itu, ahli kumpulan D'Masiv, Rayyi Kurniawan Iskandar Dinata mengharapkan orang ramai datang memeriahkan konsert mereka sambil menyifatkan Malaysia sebuah negara yang aman walaupun rakyatnya mempunyai perbezaan fahaman politik.

"Mesej yang ingin dibawakan melalui konsert ini adalah bagi rakyat Indonesia khususnya, di negara ini tahu dan faham mengenai permasalahan serius seperti pemerdagangan manusia dan penyeludupan warga asing ke negara ini," katanya yang merupakan pemain gitar bass D'Masiv.

## MESRA...

Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail menghulurkan duit raya kepada kanak-kanak yang membuat persembahan sempena Sambutan Deepavali DUN Batu Tiga yang berlangsung di Dewan Bola Tampar, Seksyen 19, Shah Alam



## PKNS perlu berkembang ke peringkat global

**SUBANG JAYA** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) disarankan untuk mengembangkan perniagaannya ke peringkat antarabangsa dan berani menceburi bidang-bidang baru.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, PKNS perlu membuat anjakan pemikiran supaya ia tidak hanya tertumpu kepada pembangunan hartanah dan perumahan di Selangor sahaja.

Ia bagi memastikan perbadanan yang ditubuhkan sejak tahun 1964 itu mampu bersaing dalam dunia perniagaan di peringkat global.

Ujar Abdul Khalid, PKNS perlu belajar kejayaan perniagaan daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan syarikat Guthrie yang berjaya berkembang di peringkat global dengan mengambil contoh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) yang mengembangkan perni-

gaannya ke rantau Asean.

"Sekarang PKENJ bukan sahaja berjaya dalam bidang hartanah, tetapi juga berjaya dalam memberikan perkhidmatan kesihatan, sektor perladangan dan beberapa bidang lain," katanya.

Abdul Khalid berkata demikian semasa Merasmikan Hari Keluarga PKNS di Padang Kompleks Sukan PKNS di Kelana Jaya di sini.

Sementara itu, Pengurus Besar PKNS, Othman Omar berkata, sokongan ahli keluarga memberikan galakan kepada kakitangan PKNS untuk menjayakan misi dan visi syarikat tersebut.

"Malah dengan semangat dan dukungan padu mereka inilah maka PKNS dapat kukuh berdiri selama 48 tahun," katanya.

Turut hadir Exco Selangor, Teresa Kok dan Ahli-Ahli Lembaga PKNS serta kira-kira 2,000 warga kerja dan keluarga PKNS.



Kanak-kanak ini tekun menyiapkan 'puzzle' sewaktu Hari Keluarga PKNS



Bina jambatan ke -3 Klang

# Bukti Pakatan cekap urus wang

Oleh LIZAWATI MADFA

**DENGKIL** - Kegagalan Umno-BN menepati janji mereka untuk membina jambatan ketiga di Klang empat tahun lalu adalah bukti bahawa gagasan itu sekadar menaburkan janji untuk pilihan raya.

Manakala kebolehan Kerajaan Rakyat (PR) Selangor untuk mencari dana tanpa dibantu Umno-BN bagi menyiapkan projek tersebut, adalah bukti PR lebih cekap, amanah dan bekerja tanpa mengira waktu, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Ini tidak, selepas diumumkan kalah pada PRU lepas, terus projek jambatan ketiga (Klang) yang dijanjikan empat hari sebelum itu tidak dilaksanakan.

"Jadi kita ingin beritahu kepada Kerajaan Persekutuan, kalau mereka tiada duit, Kerajaan Negeri sediakan peruntukan RM300 juta untuk membina jam-

batan yang dijanjikan mereka dahulu."

Abdul Khalid berkata demikian di depan lebih 4,000 hadirin pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Negeri Selangor di sini, baru-baru ini.

Pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) baru-baru ini, Kerajaan PR Selangor mengumumkan akan menggunakan RM300 juta daripada rizab negeri untuk menyiapkan jambatan tersebut.

Dalam majlis tersebut, beliau turut menyampaikan RM-110,000 kepada wakil lima buah kuil.

Sumbangan turut diberikan kepada Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kajang sebanyak RM35,000, SJKT Dengkil (RM20,000) dan SJKT Ladang Ampat Tenang (RM15,000).

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan pemberian duit raya oleh isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut.



**Kiri: Antara orang ramai yang hadir dalam program tersebut**



**Bawah: Golongan warga emas turut tidak melepaskan peluang beramah mesra dengan Menteri Besar**

Turut hadir, Exco Negeri, Dr Xavier Jayakumar dan Ronnie Liu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MPSP), Mohd Sayuthi Bakar, Pegawai Daerah Sepang, Haris Kasim dan Penyelaras DUN Dengkil, Borhan Aman Shah.



Gambar sebenar 'Central Park'

BERSUKA RIA.  
BELAJAR.  
BERAMAH  
MESRA.

16  
SIERRA  
@ Puchong South

Di 16 Sierra segala keindahan menantikan anda. Terdapat sebuah rumah kelab persendirian dengan kemudahan penuh, sekolah antarabangsa dan swasta serta 16 taman bertema (termasuk Central Park). Kesemuanya dalam suasana nyaman dan selamat. Tidak hairan jika semua orang gemarkan 16 Sierra.



**Lyden**  
Rumah Teres 2 & 3 Tingkat

- Saiz lot dari 22' x 75'
- Luas binaan kasar dari 2,466 k.p.s.
- 4 bilik tidur + 1 bilik utiliti (2 tingkat)
- 5 bilik tidur + 1 bilik utiliti (3 tingkat)
- Harga dari RM743,814\*\*

**Rumah Contoh Dibuka  
Untuk Dikunjungi**

Masa : 10 pagi - 5 petang  
Tempat : IOI Galleria @ 16 Sierra

Untuk pertanyaan, hubungi **03-8944 9999**

[www.ioiproperties.com.my/16sierra/lyden/sk](http://www.ioiproperties.com.my/16sierra/lyden/sk) • [www.facebook.com/ioiproperties](http://www.facebook.com/ioiproperties)

Pembangunan Perbandaran Oleh:  
**IOI PROPERTIES**

Pemaju:  
**LUSH DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
(No. Syk. 348635-C)  
(AHLI Kumpulan IOI Properties Bhd)  
ML, Two IOI Squares, IOI Resort,  
62502 Putrajaya, Malaysia.

Pejabat Jualan & Pemasaran:  
**IOI GALLERIA@16 SIERRA**  
Persiaran Sierra Utama, Bandar 16 Sierra,  
47110 Puchong, Selangor D.E.  
Tel: 03-8944 9999 Fax: 03-8944 9959  
Email: 16sierra.marketing@ioigroup.com

LYDEN • No. Lesen Pemaju: 11100-603-2014/304 • Tarikh Sah: 14.03.2011-13.03.2014 • No. Permit Iklan & Jualan: 11100-4/720/2013/041 • Tarikh Sah: 07.04.2012-06.04.2013 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Sepang • No. Pelan Bangunan: MPS/6.9/D/142/10 • Tarikh Dipapaka Saiz: Ogos 2013 • Hakmilik Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tempoh Tamat: 13.06.2199) • Bebanan Tanah: Tiada • Rangkaian Teres • Jumlah Unit: 228 • Harga: RM620,800 (Mula) - RM1,960,000 (Mula) • Rumah Berkembar & Bangla Lot Sitar • Jumlah unit: 35 unit • Harga: RM1,600,800 (Mula) - RM2,700,800 (Mula) • \*\*Selepas 7% Diskaun Bumiputra • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau dipacai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. • Segala maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk pada perubahan, sebagaimana dikehendaki oleh pihak berkuasa atau pakar perunding pihak pemaju, dan tidak bermaksud untuk membentuk dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada apa-apa tawaran atau kontrak. Semua lukisan adalah hasil tanggapan pelukis sahaja.





# PROGRAM FAST TRACK SPM

## PELAJAR TAHFIZ / MADRASAH UNISEL - YAPIS

**P**rogram Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) UNISEL (Universiti Selangor) melalui Program Fast-Track SPM Pelajar Tahfiz / Madrasah anjuran Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS).

Program peralihan ini dibuka bagi Pengambilan Kali Ke-2 pada tahun 2013 bakal membolehkan pelajar aliran Tahfiz memasuki program profesional untuk menduduki kelas intensif Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 selama setahun.

YAPIS merupakan sebuah yayasan yang ditubuhkan bagi memperkayakan pendidikan Islam bagi pelajar khususnya di negeri Selangor. UNISEL, milik penuh Kerajaan Negeri Selangor menawarkan lebih 86 program akademik di peringkat tahun asas, diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.



*Pelajar Kemasukan 2011 tekun menjalankan ujikaji di Makmal Kimia Unisel.*



*Suasana Pembelajaran di Makmal Sains / Fizik oleh Pelajar Program Fast Track Tahfiz 2011*



*Aktiviti riadah oleh pelajar perempuan Program Fast Track Tahfiz Kemasukan Ulung 2011 di Kompleks Sukan Unisel*



*Pelajar Program Fast Track 2011 berada di dalam kelas*

Program "Fast-Track" SPM Pelajar Tahfiz ini dijalankan di sebuah penempatan pelajar luar kampus milik UNISEL iaitu di Kota Puteri, Batu Arang. Ia boleh menempatkan sehingga 1000 orang pelajar dalam satu masa.

Pelajar yang memperoleh minima 3 kredit di dalam matapelajaran yang berkaitan di dalam SPM akan diterima masuk ke program diploma Unisel; atau sekiranya memperoleh 5 kredit dalam matapelajaran yang berkaitan boleh mengikuti pengajian tahun asas sebagai persediaan ke program sarjana muda Unisel.

Program ini adalah untuk membentuk insan yang profesional dalam bidang akademik dan mempunyai asas agama yang kukuh di dalam diri mereka.

*Syarat Kemasukan :*

**Berumur 17 tahun pada 01/01/2013 | Pelajar Tahfiz dengan hafalan minimum 10 Juzuk | PENDAFTARAN : 5 JANUARI 2013**





Oleh HAFIZAN TAIB

**PETALING JAYA** - Bagi mengenang jasa Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memberi anugerah kepada belia yang cemerlang dalam pelbagai aktiviti di daerahnya.

Exco Adat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunud Hairi dalam ucapannya ketika menyampaikan anugerah berkenaan berkata, usaha MBPJ itu menjadi 'buah mulut' pihak lain terutama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di seluruh Selangor.

Beliau berkata, ia adalah satu usaha yang baik demi pembangunan dan kemajuan PeBT serta masyarakat secara keseluruhannya.

"Program yang masuk tahun kedua ini akan jadi penggerak ke arah kemajuan semua, terutama belia yang membentuk hampir 45 peratus daripada jumlah 5.3 juta rakyat Selangor.

"Usaha MBPJ ini bakal menjadi contoh dan pastinya akan dicontohi PBT lain demi kebaikan bersama," katanya pada majlis Anugerah Khas Pembangunan Komuniti MBPJ 2012, di sini.

Penerima Anugerah Khas PeBT MBPJ bagi zon Aktif Keseluruhan Terbaik 2012, Pengerusi PeBT Zon Tiga MBPJ, Zahid Norizan, 25, menyifatkan anugerah yang diterima akan menjadi pembakar semangat

# PeBT cemerlang dihargai



Sebahagian PeBT yang hadir bagi meraikan kejayaan rakan-rakan yang menerima Anugerah Khas Pembangunan Komuniti MBPJ 2012  
Gambar bawah: Zahid Norizan



untuk terus berusaha gigih bagi mencurahkan khidmat bakti ke arah lebih baik dan cemerlang.

"Inisiatif diberikan MBPJ menjadi penggerak semangat untuk kita menjalankan pelbagai aktiviti seperti sukan, kesenian, pendidikan, kepimpinan, ekonomi dan komuniti dengan cemerlang," katanya yang turut muncul sebagai pemenang Anugerah Khas Program PeBT kategori Zon Aktif Kesenian Terbaik.

Dengan kejayaan itu, Zon Tiga mewakili Kota Damansara, meraih hadiah piala dan wang

tunai RM1,000 menerusi dua kategori tersebut.

Pemenang Anugerah Sukarelawan Penduduk Aktif Terbaik, Mullah Ngah, 64, dari Pangsapuri Permai, PJ1 berkata, hadiah diraih adalah kejayaan semua pihak dan baginya suatu usaha bagi mengajak masyarakat untuk hidup dalam satu komuniti bersama.

Dalam majlis tersebut Dr Ahmad menyampaikan semua hadiah kepada pemenang yang turut dihadiri Timbalan Datuk Bandar, Puasa Md Taib.

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

### MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

### MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

### MAJLIS PERBANDARAN KLANG

www.mpklang.gov.my  
Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )  
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)  
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);  
Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)  
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

### MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825 SMS: Taip "MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

### MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

### MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

### MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

www.mps.gov.my  
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

### MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

www.mbsa.gov.my  
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

### MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

www.mpsj.gov.my  
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

### MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my  
Tel: 03-79542020 (24-jam hotline) / 03-79563544 (am)  
SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213



**BANTERAS...** Adun Hulu Kelang, Saari Sungib bersama Sukarelawan Selangorku, membuang air yang bertakung di atas bekas cat di belakang rumah penduduk di sekitar Taman Keramat Tengah AU4 yang berkemungkinan menjadi punca pembiakan aedes. Program dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ini, turut disertai Pejabat Kesihatan Daerah Gombak





**MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)**

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,  
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rangkaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455  
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN** Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736  
email : info@semesta.com.my  
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG** Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.  
Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.  
Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977  
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**  
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**  
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617  
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**  
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312  
Fax : 03-551055829 Laman Web http://www.skimsel.com

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**  
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**  
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543  
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391  
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com

# Pemeriksaan mata percuma dapat sambutan

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

**PELABUHAN KLANG** - Penduduk Pulau Ketam, khususnya warga emas menerima pemeriksaan mata secara percuma melalui program yang dianjurkan Pusat Perubatan Pakar KPJ Klang dengan kerjasama CIMB Berhad.

Program yang diadakan di balai raya Pulau Ketam itu dihadiri kira-kira 200 penduduk, bersama kakitangan KPJ yang terdiri daripada doktor, pegawai perubatan, dan pegawai CIMB.

Pengurus program, Zaharah Osman berkata, sokongan dan penglibatan kakitangan KPJ Klang memberi manfaat besar dalam program tersebut.

Ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam usaha membantu dan memberikan kesedaran mengenai penjagaan mata dan kesihatan secara keseluruhan.

"Program ini mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada penduduk bagi mendapatkan pemeriksaan mata.

"Kami merasa gembira kerana



**Warga emas ini tidak melepaskan peluang membuat pemeriksaan mata**

semua kakitangan memberi komitmen yang baik terhadap program ini," katanya ketika ditemui.

Program ini dirasmikan Exco Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali yang juga merupakan Adun Selat Klang.

Dr Halimah di dalam ucapannya berkata, Kerajaan Negeri ingin melihat lebih banyak lagi syarikat-syarikat swasta memberikan khidmat sosial kepada penduduk, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

## Bagan Teochew terima jambatan baru



**Dr Halimah merasmikan Majlis Pecah Tanah Jambatan Baru, Bagan Teochew di Pulau Ketam**

**PELABUHAN KLANG** - Sebuah jambatan konkrit bernilai RM250 ribu akan dibina dalam waktu terdekat bagi menggantikan jambatan kayu di Bagan Teochew, Pulau Ketam yang musnah dilanggar bot September lalu.

Exco Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali berkata, Kerajaan Negeri meluluskan projek pembinaan jambatan baru itu melalui peruntukan kewangan dalam Belanjawan Selangor 2012.

Katanya, Kerajaan Negeri sedar

mengenai masalah yang dihadapi penduduk di kawasan itu, memandangkan Bagan Teochew menjadi tumpuan pelancong kerana terdapat restoran makanan laut serta 'chalet'.

"Pembinaan jambatan baru ini akan dimulakan dalam waktu terdekat dan kontraktor telah dipilih bagi menyiapkan jambatan ini yang dijangka akan siap pada bulan Februari 2013," katanya.

Dr Halimah, yang juga Adun Selat Klang, ditemui ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Jambatan Baru

Bagan Teochew di Pulau Ketam, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Kampung Pulau Ketam, Cha Keng Lee, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Klang (MPK), Song Sung Hwan, Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPK, Zamri Othman serta penduduk Bagan Teochew.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM80,000 untuk membina jambatan sementara bagi menggantikan jambatan kayu berusia lebih 40 tahun yang musnah itu.



Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menafikan pernah mengeluarkan arahan kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) membekukan atau menghentikan perbelanjaan modal (Capex) kepada syarikat konsesi air itu untuk mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata demikian bagi menjawab soalan Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang) dan Datuk Dr Karim Mansor (BN-Tanjung Sepat) yang mendakwa Kerajaan Negeri mengeluarkan surat arahan membekukan perkara

# MB nafi arah SYABAS beku modal Capex

**Kalau Kerajaan Negeri menyediakan Capex, jawapannya lebih baik saya buat. Bukan suruh Syabas buat, sebab dia ada komisyen untuk buat tersebut. Siapa yang bayar komisen tersebut? Sudah tentu rakyat Selangor**

**- ABDUL KHALID**  
Menteri Besar



Kerajaan Negeri tidak akan sesekali bertolak ansur dengan sikap berdolak-dalik Syabas

itu pada 2009, 2011, 2012, dan 2014 dengan alasan sedang dalam proses menjalankan menstrukturkan semula pengambilan air.

Mereka mendakwa disebabkan pembekuan Capex itu menyebabkan pembaikan paip tidak dapat dilaksanakan ekoran Kerajaan Negeri tidak membantu Syabas dalam perkara itu.

Malah, Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri sememangnya tidak menyediakan Capex kepada Syabas kerana modal Capex sepatutnya disediakan oleh syarikat itu.

“Kalau Kerajaan Negeri menyediakan Capex, jawapannya lebih baik saya buat. Bukan suruh Syabas buat, sebab dia ada komisyen untuk buat tersebut. Siapa yang bayar komisyen tersebut? Sudah tentu rakyat Selangor,” katanya.

Kegagalan Syabas menurangkan kadar NRW, menyebabkan audit negara membuat kajian terhadap dana yang dipinjam Syabas.

## KADAR AIR TIDAK BERHASIL (NRW)

TAHUN	PERATUS PENGURANGAN
2006	37.78 peratus
2009	27 peratus
2012	19.98 peratus
2015	15.48 peratus

Hasil kajian audit negara itu mendedahkan sebahagian besar perbelanjaan awal Syabas adalah untuk memperbaiki pejabat dan membeli kereta baru, bukan baiki paip.

Selain itu, kerja penukaran paip ini tidak dilakukan secara tender terbuka. Akhirnya pemilik saham Syabas dan Puncak Niaga, termasuk Tan Sri Rozali Ismail sangat berminat menjadi ejen menyediakan paip air tersebut.

Abdul Khalid menambah, Syabas sebenarnya tidak memberi fokus kepada ‘water resources management’.

Sedangkan di bawah perjanjian konsesi yang ditandatangani Syabas, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri terdapat sasaran untuk NRW disasarkan.

# Prestasi bola sepak Selangor masih membanggakan

SHAH ALAM - Pencapaian pasukan bola sepak Selangor menduduki tangga ketiga dalam saingan Liga Malaysia 2012 disifatkan suatu pencapaian yang masih boleh dibanggakan.

Exco Adat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, kejayaan pasukan Selangor itu lebih baik berbanding pasukan lain yang berbelanja tinggi tetapi tiada impak.

Walau bagaimanapun, bagi musim 2013 seramai 11 pemain baru disrapkan ke dalam skuad bola sepak ini yang terdiri daripada bekas pemain Harimau Muda, bekas pemain pasukan negeri lain dan bekas pemain Piala Presiden Selangor.

“Seramai 12 pemain lama dan kurang berkesan ditukarkan dan diganti dengan pemain baru bagi menggalas misi pada tahun hadapan,” katanya yang merupakan Adun Sijangkang.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan daripada Dr Shafie Abu Bakar (PAS-Bangi) ketika sidang Dewan Undangan Negeri Selangor (DNS) mengenai prestasi skuad bola sepak Selangor kini.

Dalam saingan Piala Malaysia 2012



Pasukan bola sepak Selangor bagi musim 2013 bakal berubah wajah

lalu, pasukan Selangor tewas di peringkat separuh akhir kepada pasukan Kelantan.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri turut bersetuju akan memberikan insentif kepada pemain bola sepak Selangor jika berjaya mendapat sebarang piala dalam setiap kejohanan yang disertai.

Selain itu, Dr Ahmad Yunus turut menyifatkan penglibatan ahli politik

dalam sukan bola sepak di negara ini tidak menjadi suatu kesalahan besar jika komitmen yang diberikan sepadan dengan tanggungjawab yang dipikulnya dalam pasukan itu.

“Jika ahli politik dapat memberikan komitmen yang tidak dapat diberikan oleh orang biasa, pada saya, ia tidak menjadi suatu kesalahan demi meningkatkan mutu permainan bola sepak sesuatu pasukan itu,” katanya lagi.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
30 NOVEMBER - 7 DISEMBER 2012							
16 - 23 MUHARRAM 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Jumaat	5:33	5:43	7:05	1:05	4:27	7:01	8:15
01 Sabtu	5:34	5:44	7:05	1:05	4:28	7:02	8:16
02 Ahad	5:34	5:44	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16
03 Isnin	5:34	5:44	7:06	1:06	4:28	7:02	8:17
04 Selasa	5:35	5:45	7:07	1:06	4:29	7:03	8:17
05 Rabu	5:35	5:45	7:07	1:07	4:29	7:03	8:17
06 Khamis	5:36	5:46	7:08	1:07	4:30	7:03	8:18
07 Jumaat	5:36	5:46	7:08	1:08	4:30	7:04	8:18
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Jumaat	5:36	5:46	7:07	1:07	4:29	7:03	8:17
01 Sabtu	5:36	5:46	7:08	1:07	4:30	7:04	8:18
02 Ahad	5:36	5:46	7:08	1:08	4:30	7:04	8:18
03 Isnin	5:37	5:47	7:08	1:08	4:30	7:04	8:18
04 Selasa	5:37	5:47	7:09	1:08	4:31	7:05	8:19
05 Rabu	5:37	5:47	7:09	1:09	4:31	7:05	8:19
06 Khamis	5:38	5:48	7:10	1:09	4:32	7:05	8:20
07 Jumaat	5:38	5:48	7:10	1:10	4:32	7:06	8:20





Oleh LIZAWATI MADFA  
& HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat pembangunan umat Islam dengan memperuntukkan dana pembinaan dua buah masjid di setiap daerah pada setiap tahun.

Bercakap di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pembinaan masjid-masjid tersebut bagaimanapun ditentukan pihak pejabat daerah.

Ia ditentukan berdasarkan keperluan dan keutamaan dan bukan berdasarkan kaedah melobi seperti amalan dahulu.

Kerajaan Negeri merancang pembinaan lebih banyak masjid di seluruh Selangor dengan amalan perbelanjaan berhemah, iaitu setiap satu masjid hanya melibatkan kos kira-kira RM6 juta.

Abdul Khalid berkata, dengan anggaran kos itu maka Kerajaan Negeri mampu menjimatkan perbelanjaan dari segi jangka panjang.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri mengusahakan pembinaan dua masjid baru di setiap daerah di Selangor sejak Pakatan Rakyat (PR) menerajui pentadbiran negeri.

"Perancangan pembinaan masjid baru melibatkan semua daerah di negeri Selangor supaya kemudahan itu dapat dinikmati semua pihak," katanya yang juga Adun Ijok.

Difahamkan, setakat ini sebanyak 18 masjid dibina dalam perancangan itu dengan sebahagiannya siap manakala selebihnya sedang dalam proses pembinaan.

## Bina dua masjid setiap daerah setiap tahun



**ZIARAH...** Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail sedang bertanyakan sesuatu kepada adik Mohamad Aidil Ikhwan sambil diperhatikan ibunya, Norasidah, pada Program Berkhatan Beramai-ramai Taman Batu Tiga di dewan orang ramai taman tersebut

Bagaimanapun, Abdul Khalid berkata, terdapat satu kelemahan perlaksanaan pembinaan masjid-masjid tersebut iaitu kelewatan memanggil tender.

"Kelulusan kita sudah bagi na-

mun kelewatan ini menyebabkan ia tidak dapat dilaksanakan segera.

"Kita akan berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan dan mengeluarkan arahan tertentu

mengatasi masalah ini," ujarnya menjawab soalan lisan daripada Hasiman Sidom (BN-Morib).

Secara keseluruhan terdapat sebanyak 392 masjid di seluruh Selangor dengan daerah Petaling

mencatat jumlah tertinggi iaitu 78 buah diikuti Kuala Selangor (56), Sabak Bernam (47), Hulu Langat (46), Gombak (43), Klang (42), Kuala Langat (34) serta Hulu Selangor dan Sepang (23).

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>  
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>  
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO